

Persatuan Keluarga Autisme UPM terima 300 tan barangan terpakai

ISLAM mengajar umatnya agar tidak melakukan pembaziran kerana ia merupakan amalan syaitan.

Sikap itu bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit atau perbelanjaan, tetapi juga pelbagai barangan terpakai.

Kadangkala ada barangan terpakai yang masih elok lagi, tetapi sudah tidak boleh berfungsi dengan baik menyebabkan ia dibuang begitu sahaja.

Menyedari hal itu, Persatuan Keluarga Autisme Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Hari Pengumpulan Barangan Terpakai yang diadakan di Dewan Besar UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.

Menurut exco persatuan itu, Rafidah Sadarudin, dianggarkan sebanyak 300 tan barangan terpakai yang meliputi pakaian yang boleh diguna semula dan tidak elok, beg, langsir dan variasi jenis fabrik berjaya dikumpulkan selama dua hari program berkenaan berlangsung.

Katanya, hasil sumbangan orang ramai itu dijual kepada Life Ling Clothing Sdn Bhd. Wang jualanannya kemudian disalurkan ke Tabung Persatuan Keluarga Autisme UPM yang baru ditubuhkan pada bulan April tahun lalu.

"Alhamdulillah, program yang pertama kali diadakan ini mendapat sambutan yang amat luar biasa dengan kehadiran



PELBAGAI jenis barangan terpakai merangkumi pakaian, beg dan beberapa jenis fabrik yang diterima daripada orang ramai untuk dikitar semula.

pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh Malaysia.

"Sememangnya masyarakat Malaysia amat prihatin dengan memberikan sumbangan barang-barang terpakai mereka walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh dan berhadapan dengan kesesakan lalu lintas di UPM dan kawasan sekitarnya," katanya dalam satu

kenyataan baru-baru ini.

Program itu turut mendapat kerjasama Putra Bakti UPM yang dipacu oleh warga kerja UPM antaranya daripada Pusat Islam UPM dan Pusat Kesihatan UPM.

Dalam pada itu, Rafidah menjelaskan, program tersebut juga antara usaha pihaknya memupuk perasaan sayangkan alam sekitar dalam kalangan penderma.



ANTARA tulang belakang yang menjayakan Hari Pengumpulan Barangan Terpakai anjuran Persatuan Keluarga Autisme UPM di Serdang baru-baru ini.

"Ini kerana barangan yang disumbangkan oleh mereka akan dikitar semula menjadi kain dan bahan yang baharu serta tidak dibuang begitu sahaja.

"Semoga program itu dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

"Diharap rakyat Malaysia tidak jemu untuk terus memberi sumbangan demi kesejahteraan negara," katanya.